

Bahaya penularan virus hepatitis



- Jangkitan boleh berlaku di dalam tandas, salah memilih makanan, ketika melakukan transfusi darah, berkongsi barang peribadi seperti pisau cukur atau pengetip kuku

Jika anda memandang enteng isu kesihatan itu, lebih baik berfikir semula. Ini kerana jangkitan dengan mudah boleh berlaku. Antaranya ketika kita berada di dalam tandas, salah memilih makanan, ketika melakukan transfusi darah, berkongsi barang peribadi seperti pisau cukur, waima pengetip kuku sekalipun.

BERDASARKAN kajian terdahulu, dianggarkan lebih sejuta rakyat Malaysia dijangkiti hepatitis B kronik, manakala 2.5 peratus orang dewasa positif antibodi terhadap jangkitan hepatitis C. Jumlah itu agak membimbangkan dan dijangka meningkat menjelang tahun 2040.

Ayer Keroh, Dr Nor Hayati Shaharuddin.

Dr Nor Hayati menghuraikan satu persatu penyebab berlakunya hepatitis:

i) Hepatitis A

- Virus tersebar melalui makanan atau minuman.

daripada ibu yang mempunyai hepatitis B dan juga apabila bayi menyusu daripada ibu berkenaan.

- Untuk mengelakkan jangkitan kepada bayi yang lahir daripada ibu yang mempunyai hepatitis B, si kecil itu perlu diberikan hepatitis B *immunoglobulin* dan vaksin selepas kelahiran.

iii) Hepatitis C

- Penularan hepatitis C sama seperti hepatitis B.

iv) Hepatitis D

- Penularan hepatitis D sama seperti hepatitis B. Virus ini boleh membiak secara automatik di dalam sel-sel hati, tetapi ia memerlukan sel hati yang telah dijangkiti hepatitis B untuk merebak.

v) Hepatitis E

- Penularan hepatitis E sama seperti hepatitis A.

Dalam pada itu, portal perubatan **AloDokter** menyenaraikan empat lagi jenis hepatitis (bukan disebabkan virus) iaitu:

i) Hepatitis akibat ketagihan alkohol

- Minum secara berlebihan boleh mengundang peradangan pada hati dan menimbulkan kerosakan kekal pada sel-sel hati. Hal ini akan mengganggu fungsi hati. Jika tidak ditangani, kondisi ini membolehkan seseorang mendapat sirosis dan kegagalan fungsi hati.

ii) Hepatitis akibat ubat-ubatan tertentu

- Ia disebut juga sebagai *toxic hepatitis*. Ia terjadi akibat daripada mengambil ubat dengan dos yang berlebihan. Hati akan rosak atau mengalami peradangan

- Terdapat hepatitis yang cepat sembuh dan ada yang mengambil masa untuk baik sepenuhnya
- Hepatitis akan memicu beberapa komplikasi seperti kegagalan hati, sirosis termasuk kanser!

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID dan NUR SUHAIMA NORDIN

Ramai di antara kita yang kurang jelas mengenai penyakit hepatitis. Kebanyakannya berfikir, ia hanya mempunyai perkaitan dengan penyakit HIV. Pun demikian, hakikatnya, tidak begitu.

Justeru, sempena sambutan Hari Hepatitis Sedunia, *SinarPlus* ingin menjelaskan lebih lanjut apa itu hepatitis?

Secara ringkasnya, ia merupakan penyakit keradangan hati sama ada disebabkan virus yang berjangkit atau bukan jangkitan yang boleh mendatangkan banyak masalah pada kesihatan. Jika semakin memburuk, ia boleh membuatkan nyawa melayang.

Secara umum, terdapat lima jenis hepatitis yang disebabkan virus iaitu A, B, C, D dan E. Setiap daripadanya mempunyai perbezaan dari segi cara jangkitan, tahap keterukan penyakit dan pencegahan.

Berdasarkan statistik yang dikongsi oleh **Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)**, lebih 354 juta orang hidup dengan hepatitis B dan C kronik di seluruh benua.

Menerusi Strategi Hepatitis Global, WHO, pertubuhan itu berusaha untuk mengurangkan jangkitan baharu sebanyak 90 peratus dan kematian sebanyak 65 peratus bermula tahun 2016 hingga 2030.

Di Malaysia, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kadar notifikasi kematian hepatitis B dan C di Malaysia menunjukkan peningkatan dengan masing-masing 0.16 dan 0.27 orang bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun ini.

Sementara **National Library Of Medicine, Amerika Syarikat (AS)** melaporkan, sepanjang tahun 2000, kira-kira 4,067 kes hepatitis virus dikesan. Daripada jumlah itu, kira-kira 497 kes disebabkan oleh hepatitis A, 2,863 kes disebabkan oleh hepatitis B dan 550 kes (hepatitis C).

Untuk mengulas lebih lanjut, *SinarPlus* mendapatkan **Pakar Perubatan Dalaman dan Penyakit Berjangkit, Pantai Hospital**

ii) Hepatitis B

- Virus hepatitis B boleh tersebar melalui darah atau cairan badan seperti air mani dan susu badan.
- Seseorang boleh terdedah kepada jangkitan melalui perkongsian jarum suntikan dan alatan untuk tatu atau berbekam yang telah tercemar dengan cairan pesakit hepatitis B.
- Bagaimanapun, virus ini tidak menjangkiti anak dalam kandungan. Jangkitan berlaku semasa kelahiran bayi

kerana bekerja terlalu keras dalam 'memecahkan' ubat yang dihadap.

iii) Hepatitis akibat penyakit autoimun

- Sistem imun tubuh secara keliru akan menyerang sel-sel hati sehingga menimbulkan peradangan dan kerosakan hati.

iv) Hepatitis akibat cacing hati

- Peradangan hati juga boleh terjadi akibat infeksi cacing hati iaitu *opisthorchiidae*



Gejala-gejala itu akan muncul setelah beberapa minggu atau telah terjadi gangguan pada fungsi hati. Pun begitu, tidak semua gejala yang muncul disebabkan penyakit hepatitis. Jadi, mereka perlu dapatkan pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu.”

- Dr Nor Hayati Shaharuddin



Bagi jangkitan hepatitis C, walaupun tidak mempunyai sebarang vaksin untuk mencegahnya, tetapi penghidapnya boleh sembuh sepenuhnya dalam masa tiga bulan selepas rawatan antivirus.”

- Dr Sheikh Anwar Abdullah